

TANAH OH TANAH : SIRI KE 47
ANTARA KEPENTINGAN INDIVIDU DAN KEPENTINGAN AWAM DALAM
PENGAMBILAN TANAH
(BAHAGIAN KELAPAN)

Dalam TOT Siri ke 46 penulis telah bertanya,, bolehkah PBN mewakili kuasanya?. Manual Pengambilan Tanah terbitan JKPTG di muka surat 2, para 2.3 menyatakan boleh. Tetapi bagi Muhammad Said Abd. Kadir Al-Haj dalam Nota Siri Kefahaman Akta Pengambilan Tanah, 1960 Siri 1 (1995) menulis tidak boleh. APT 1960 tidak memperuntukkan satu seksyen yang membolehkan PBN mewakili kuasa-kuasanya kepada mana-mana orang. Peruntukan itu dipercayai sengaja tidak diadakan kerana Kerajaan bimbang bahawa kuasa yang diwakilkan itu nanti akan disalahgunakan di mana rakyat akan menjadi mangsa. Kerajaan mahu kuasa itu kekal pada PBN yang didukung bersama oleh MMK dan Raja atau Yang Di Pertua Negeri. Kerajaan mahu sistem pengimbangan kuasa di antara MMK dan Raja atau Yang Di Pertua Negeri itu dikekalkan. Jika kuasa itu diwakilkan kepada MMK, MB, KM, Raja atau Yang Di Pertua Negeri, maka akan ada sistem '*check and balance*'.

Berbalik kepada persoalan asal iaitu bolehkah PBN mewakili kuasa-kuasanya? Dalam hubungan ini, rujukan boleh dibuat kepada *Halsbury's Laws of England Fourth Edition Vol. 1(1)* di muka surat 23 yang menyatakan :-

" powers are often conferred in subjective terms, the competent authority being entitled to act when 'in its opinion', or when it is

'satisfied', or when it 'appears to' that authority that a prescribed state of affairs exists."

Dan muka surat 36 menyatakan :-

" there is a strong presumption against construing a grant of legislative, judicial, or disciplinary power as impliedly authorising sub-delegation; and the same may be said of any power to the exercise of which the designated body should address its own mind."

Petikan di atas tidak dengan jelasnya menyatakan bahawa sesuatu kuasa yang diberi oleh mana-mana undang-undang tidak boleh diwakilkan kepadamana-mana pihak. Petikan berkenaan hanya menyatakan terdapat *'strong presumption against construing a grant of..... As impliedly authorising sub- delegation.'* Oleh itu sekiranya terdapat peruntukan yang nyata yang membenarkan perwakilan kuasa seperti yang terkandung di dalam Kanun Tanah Negara, maka perwakilan kuasa boleh dibuat. Di dalam kes perwakilan kuasa di bawah APT 1960 perwakilan kuasa kepada mana-mana orang dibuat bukannya di bawah APT 1960 itu sendiri tetapi di bawah kuasa am di dalam seksyen 8 Akta Perwakilan Kuasa 1956. Bolehlah diujahkan bahawa oleh kerana kuasa yang diberi kepada PBN di bawah seksyen 4 berbentuk subjektif yang memerlukan PBN berkenaan berpuas hati sebelum tindakan diambil di bawah seksyen 4 APT 1960 dan ketiadaan peruntukan yang nyata di dalam APT 1960 yang membenarkan perwakilan kuasa, maka adalah tidak wajar kuasa PBN di bawah APT 1960 diwakilkan kepada mana-mana orang menurut seksyen 8 Akta Perwakilan Kuasa, 1956. Perlu diingatkan bahawa tindakan bagi mengambil harta seseorang, termasuk tanah,

hendaklah dijalankan mengikut undang-undang oleh kerana Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya melainkan dengan menurut undang-undang. Sekiranya prosedur bagi perlucutan harta seseorang tidak diikuti, tindakan tersebut terbuka untuk dicabar di Mahkamah.

Dengan ini nyatalah PBN tidak boleh menggunakan peruntukan seksyen 8, Akta Perwakilan Kuasa, 1956 untuk mewakili kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya dalam APT 1960 itu kepada sesiapa jua.

PBN sendiri hendaklah menimbangkan dan membuat keputusan sama ada melaksanakannya ke atas mana-mana permohonan untuk mengambil mana-mana tanah yang dikemukakan oleh mana-mana orang kecuali permohonan yang dikemukakan oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan secara *mandatory* hendaklah meluluskannya, selaras dengan peruntukan Perkara 83 (1) dan 83 (5) (a) dan (b).

Jika benar apa yang ditulis oleh Muhammad Said Abd. Kadir Al-Haj ini, bagaimana dengan amalan sekarang di mana pengambilan tanah diluluskan oleh MB atau EXCO. Adakah ia tidak sah dan terbatal?. Jika pembaca adalah pandangan, bolehlah dikongsikan.

(Penulisan ini adalah pendapat peribadi penulis sendiri dan tidak mewakili mana-mana pihak)

(BERSAMBUNG DI BAHAGIAN SEMBILAN)

Suhaimi bin Hj. Mamat

Setiausaha Bahagian

Bahagian Sumber Air, Saliran dan Hidrologi

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Aras 13, Wisma Sumber Asli

No. 25, Persiaran Perdana,

Presint 4, 62574 Putrajaya, Malaysia

Tel : 03-88861147

Fax : 03-88893455

Email : suhaimi@nre.gov.my